

Agihan Peruntukan Tahun 2016 bagi setiap KADUN adalah seperti berikut:

KADUN	P.16 (02) (RM)		P.16 (03) (RM)	
	Setiap KADUN	Jumlah	Setiap KADUN	Jumlah
YAB Ketua Menteri	200,000	200,000	300,000	300,000
YB Ahli MMK (3)	180,000	54,000	220,000	660,000
YB ADUN (10)	180,000	1,800,000	220,000	1,200,000
JUMLAH		2,540,000		2,160,000

Agihan Peruntukan Tahun 2016 bagi setiap Parlimen adalah seperti berikut:

PARLIMEN	P.16 (02) (RM)		P.16 (03) (RM)	
	Setiap Parlimen	Jumlah	Setiap Parlimen	Jumlah
Bukti Bendera	80,000	80,000	20,000	20,000
Bukit Gelugor	80,000	80,000	20,000	20,000
Tanjung	80,000	80,000	20,000	20,000
Jelutong	80,000	80,000	20,000	20,000
JUMLAH		320,000		80,000



Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 3 TAHUN 2010**

***GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK
DI BAWAH MAKSUD PEMBANGUNAN P.16 (02) DAN (03)***

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan garis panduan berkaitan kaedah pelaksanaan yang telah dikemaskini bagi Projek-projek Pembangunan Masyarakat dan Projek-projek Khas dan Latihan-latihan Khas di bawah Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Kewangan Negeri pada tahun 2010.

Latar Belakang

2. Peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat serta projek-projek khas/latihan khas/bekalan mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah disediakan di bawah Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Kewangan Negeri mengikut Butiran 02 dan 03 masing-masing.

Skop Projek

3. Projek-projek yang dicadangkan di bawah peruntukan P.16 (02) dan (03) hendaklah memberi fokus kepada *people centric* serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat dan meliputi semua komposisi etnik di KADUN berkaitan. Skop projek yang boleh dilaksanakan di bawah peruntukan P. 16 (02) dan (03) adalah seperti berikut:

a) P.16 (02) Pembangunan Masyarakat

Kategori projek yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan P.16 (02) ialah projek infrastruktur, keagamaan, ekonomi dan gotong royong seperti kerja-kerja berikut:

- i. Pembinaan, pembaikan (naik taraf) dan penyelenggaraan kecil seperti penyelenggaraan jalan kampung, surau, masjid, sekolah agama rakyat, rumah ibadat, dewan, longkang, titi dan projek-projek infrastruktur kecil yang lain.
- ii. Projek-projek bekalan air dan elektrik luar bandar, dan kemudahan-kemudahan masyarakat yang lain.

b) P.16 (03) Projek-projek Khas/Latihan Khas/Bekalan

Kategori projek yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan P.16 (03) ialah program sosial, kebudayaan, sukan dan bantuan peralatan/barangan yang boleh dimanfaatkan dan memberi faedah kepada masyarakat dan orang ramai di KADUN berkaitan. Had nilai pembiayaan/bantuan adalah sehingga

RM10,000.00 bagi sesuatu permohonan dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Perolehan peralatan dan perabot seperti kerusi, meja dan lain-lain untuk melengkapkan kemudahan projek kecil.
- ii. Bantuan peralatan/barangan kepada penuntut-penuntut, orang miskin dan orang kurang upaya di bawah program yang dianjurkan oleh badan atau persatuan yang berdaftar dan masih sah pendaftarannya. Pemberian bantuan ini tidak dibenarkan untuk program anjuran badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.
- iii. Bantuan peralatan/barangan kepada kelab/persatuan dibenarkan kecuali kepada badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.
- iv. Pembiayaan kursus bina insan, motivasi dan kursus-kursus lain yang tiada hubungan dengan politik yang dianjurkan oleh badan atau persatuan yang masih sah pendaftarannya. Pembiayaan ini tidak dibenarkan bagi kursus yang dianjurkan oleh badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.
- v. Pembiayaan bagi penganjuran jamuan sempena program kemasyarakatan dan bantuan peralatan sukan termasuk jersi, piala dan penganjuran kejohanan atau pertandingan sukan kepada persatuan/kelab yang masih sah pendaftarannya dan tertakluk kepada syarat tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan peruntukan tahunan P.16 (03) KADUN berkaitan.

Bantuan ini tidak dibenarkan kepada badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.

- vi. Bekalan pinggan mangkok, alat-alat muzik seperti kompang dan kepala singa kepada persatuan/kelab yang masih sah pendaftarannya dibenarkan. Bekalan ini tidak dibenarkan kepada badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.
- vii. Sumbangan buku untuk Perpustakaan Desa atau *matching grant* kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dengan amaun tidak melebihi RM10,000.00 daripada peruntukan tahunan KADUN berkaitan berasaskan nisbah 1:1 bagi amaun yang disumbangkan.
- viii. Peruntukan ini tidak boleh diberi kepada jabatan/agensi/organisasi kerajaan atau bagi mana-mana Maksud Bekalan dan butiran Pembangunan di mana peruntukan telah disediakan dalam bajet jabatan/agensi/organisasi kerajaan berkaitan.

4. Bagi kedua-dua Butiran 02 dan 03, **sekatan perbelanjaan** ialah seperti berikut:

- i. Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk kepentingan individu, badan politik, persatuan/perbadanan atau kelab yang bermotifkan komersial dan keuntungan.

- ii. Pembiayaan projek-projek di luar KADUN tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun bagi Anggota Pentadbiran (Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Timbalan Ketua Menteri dan Y.B. Ahli MMK) adalah diberi pengecualian untuk mencadangkan pelaksanaan projek-projek khas di bawah P.16 (03) di luar KADUN masing-masing dengan had peruntukan tidak melebihi RM50,000.00. Perbelanjaan bagi projek-projek yang dicadangkan di luar KADUN akan dikenakan daripada agihan peruntukan P.16 (03) KADUN terlibat dan tidak melibatkan peruntukan tambahan.
- iii. Pemberian/bantuan ke luar Negeri Pulau Pinang adalah dilarang sama sekali.
- iv. Bantuan pentadbiran seperti membayar sewa pejabat, gaji dan elaun adalah tidak dibenarkan.
- v. Peruntukan tetap yang telah diluluskan untuk pelaksanaan projek di bawah Butiran 02 tidak boleh dipindahkan ke 03.
- vi. Hanya pindah peruntukan daripada Butiran 03 kepada Butiran 02 sahaja yang boleh dipertimbangkan dan perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri, dengan syarat peruntukan tetap di bawah Butiran 02 telah habis dibelanjakan.
- vii. Peruntukan ini tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya. Projek yang tidak dapat dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa adalah luput dengan sendirinya.

Tatacara Pelaksanaan Projek

5. Kaedah pelaksanaan projek P.16 (02) dan (03) ialah seperti berikut:

a. **Proses Permohonan dan Kelulusan Projek**

- i. Y.B. ADUN mengemukakan cadangan projek kepada Pegawai Daerah dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A. Pegawai Daerah membuat semakan dan saringan samada memenuhi garis panduan pelaksanaan projek dari segi skop projek yang dibenarkan dan peruntukan mencukupi. Projek yang tidak diperakukan perlu dimaklumkan semula kepada Y.B. ADUN.
- ii. Pegawai Daerah mengeluarkan surat kelulusan untuk pelaksanaan projek yang menepati garis panduan yang ditetapkan dengan salinan kepada Jabatan Kewangan Negeri.
- iii. Cadangan projek perlu dikemukakan selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 Oktober tahun semasa kepada Pegawai Daerah bagi memastikan projek dapat disempurnakan pelaksanaannya dan dijelaskan pembayaran dalam tahun semasa.
- iv. Cadangan perubahan tajuk projek hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan, dan sebarang pindaan atau pembatalan projek hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Kewangan Negeri.

b. Tatacara Perolehan

- i. Projek-projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekelling Perbendaharaan serta Surat-surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri.
- ii. Pelaksanaan projek pembangunan masyarakat melalui peruntukan P.16 (02) hendaklah menepati ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 iaitu perolehan kerja melalui sebut harga bagi nilai projek melebihi RM20,000.00.
- iii. Bagi perolehan kerja projek yang tidak melebihi RM20,000.00 boleh diuruskan seperti berikut:
 - Bagi projek bernilai kurang daripada RM10,000.00, pelantikan kontraktor boleh dikenal pasti oleh Y.B. ADUN dan dibuat secara terus di kalangan kontraktor tempatan di dalam daerah samada yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan; dan
 - Bagi projek bernilai RM10,000.00 hingga RM20,000.00 pelantikan kontraktor boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor tempatan di dalam daerah samada berdaftar atau tidak berdaftar dengan PKK di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan, atau berdaftar dengan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkaitan. Bagi maksud kontraktor tempatan yang layak untuk pelaksanaan kerja projek P.16 (02) bernilai RM10,000.00 hingga RM20,000.00, ialah syarikat kontraktor berkenaan hendaklah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai alamat pendaftaran syarikat di dalam daerah berkaitan atau mempunyai alamat cawangan di daerah tersebut.

- iv. Bagi mematuhi urusan berkaitan perolehan Kerajaan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan serta adil dan saksama, untuk projek bernilai kurang daripada RM20,000.00 adalah disyorkan untuk mendapatkan tawaran harga yang kompetitif untuk perbandingan sebelum lantikan terus dibuat. Bagi memastikan prinsip kesaksamaan dan keadilan, seseorang kontraktor boleh dilantik secara terus untuk melaksana projek P.16 (02) di sesuatu KADUN dengan jumlah keseluruhan nilai projek P.16 (02) tidak melebihi RM40,000.00 dalam setahun.
- v. Pegawai Daerah hendaklah memantau bersama-sama dengan Y.B. ADUN pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat di bawah P. 16 (02). Melalui pemantauan bersama, diyakini permasalahan projek pembangunan masyarakat sekiranya berbangkit, iaitu dari segi mutu dan kualiti kerja serta pematuhan kepada spesifikasi projek dan sebagainya, dapat diambil tindakan intervensi awal. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan licin dan memenuhi jadual serta dapat

memenuhi dan menepati kehendak kumpulan sasar di KADUN berkaitan.

- vi. Selaras dengan kenaikan had nilai pembiayaan sehingga RM10,000.00 di bawah peruntukan P.16 (03) untuk sesuatu permohonan, maka Y.B. ADUN juga boleh mengenalpasti pembekal/syarikat bagi melaksanakan projek bekalan terlibat. Namun demikian adalah menjadi kewajipan Pegawai Daerah yang menguruskan perolehan bekalan membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan bekalan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan (*value for money*). Juga bagi menjamin persaingan terbuka, adalah disyorkan untuk mendapatkan tawaran harga yang kompetitif untuk perbandingan sebelum pembelian terus dibuat. Bagi memastikan prinsip kesaksamaan dan keadilan dalam perolehan bekalan juga, pemilihan pembekal hendaklah diperluaskan.
- vii. Perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan hendaklah disediakan oleh Pegawai Daerah dengan menggunakan Inden Kerja atau Pesanan Tempatan mengikut mana yang berkaitan.

c. **Pemberian Terus (*Outright Grant*)**

Pelaksanaan projek yang dicadangkan melalui P.16 (02) boleh dipertimbangkan secara *outright grant* dalam keadaan-keadaan tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Peruntukan yang diluluskan hanya merupakan sebahagian daripada jumlah kos projek keseluruhan, yang mana sebahagian lagi dibiayai oleh pihak lain yang bukan Kerajaan. Permohonan

yang dikemukakan mestilah lengkap dengan maklumat kos keseluruhan projek dan senarai aktiviti yang dirancang.

- ii. Projek berkaitan sedang dalam pelaksanaan dan diselaraskan oleh sebuah jawatankuasa/badan tertentu dan dibuat secara gotong royong di mana daripada segi kos adalah lebih rendah dan menguntungkan.
- iii. Pegawai Daerah hendaklah melantik pegawai penyelia yang bertanggungjawab memastikan hal-hal kewangan *outright grant* tersebut diuruskan dengan betul dan telus, menyelia pelaksanaan projek dan bertanggungjawab mengesahkan projek berkaitan siap.
- iv. *Outright grant* tidak boleh diberi kepada badan politik, dan persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.
- v. Kuasa untuk meluluskan *outright grant* sehingga RM20,000.00 bagi setiap projek terletak dengan Pegawai Kewangan Negeri. Permohonan yang melebihi itu memerlukan kelulusan Y.A.B. Ketua Menteri.

Tatacara Bayaran

6. Waran Peruntukan bagi pelaksanaan projek khas P. 16 (02) dan (03) dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri terus kepada Pegawai Daerah mengikut agihan peruntukan yang ditetapkan bagi setiap KADUN.

7. Pegawai Daerah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbelanjaan yang dibuat daripada Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03). Tanggungjawab tersebut termasuk menerima, menyemak dan meluluskan permohonan, meluluskan Pesanan Tempatan/Inden Kerja secara elektronik melalui Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), mengawasi dan memantau pelaksanaan projek, dan menguruskan pembayaran melalui sistem SPEKS dalam tempoh 7 hari atau selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari setelah projek disahkan siap dan dokumen tuntutan bayaran yang lengkap diterima.

Pelaporan

8. Pegawai Daerah dikehendaki menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan projek-projek di bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03) secara suku tahunan kepada Jabatan Kewangan Negeri selewat-lewatnya pada 10 hb bulan April, Julai, Oktober dan bagi pelaporan suku tahun keempat sebelum atau pada 10 hb bulan Januari tahun berikutnya. Laporan yang dikemukakan akan diselaraskan dan dibentangkan berikutnya di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Akaun Peringkat Negeri.

Tarikh Kuatkuasa

9. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008 dan Bil. 3 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

10. Garis panduan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**` CEKAP, AKAUNTABILITI TELUS `
` BERKHIDMAT UNTUK NEGARA `**

Saya yang menurut perintah,



[**DATO' FARIZAN BIN DARUS**]

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 26 Mac 2010

s.k. : Y.A.B. Ketua Menteri
PULAU PINANG.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I
PULAU PINANG.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II
PULAU PINANG.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan
PULAU PINANG.



Kepada

Y.B. ADUN Pakatan Rakyat,
Pegawai Penyelaras KADUN,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 3 TAHUN 2011**

***HAD NILAI PEMBERIAN OUTRIGHT GRANT
DAN PERATURAN BAGI PEMBEKALAN YANG DIMOHON DI
BAWAH MAKSUD PEMBANGUNAN
P.16 (02) DAN (03)***

Tujuan

1. Surat Pekeliling Kewangan ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bil. 3 Tahun 2010 mengenai had nilai peruntukan pemberian terus (*outright grant*) yang boleh dipertimbangkan daripada peruntukan P16(02) dan syarat-syarat di bawah P16 (03) bagi tujuan pembiayaan bekalan dan perkhidmatan khususnya kepada persatuan/perbadanan berdaftar.

Latar Belakang

2. Skop projek dan garis panduan bagi projek/program yang boleh dilaksanakan di bawah peruntukan P16 (02) dan (03) telah ditetapkan

melalui SPKN Bil. 3 Tahun 2010. Walau bagaimanapun memandangkan timbul tafsiran yang berbeza-beza mengenai syarat pemberian terus (*outright grant*) dan penerima projek daripada kalangan persatuan/perbadanan berdaftar maka garis panduan yang baru perlu ditetapkan.

Had Nilai Pemberian Terus (*Outright Grant*) Yang Dipertimbangkan Melalui P16 (02)

3. Perenggan 5(c) SPKN Bil. 3 Tahun 2010 telahpun menetapkan keadaan-keadaan tertentu dan syarat-syarat yang boleh diberi pertimbangan untuk meluluskan peruntukan di bawah P16 (02) secara *outright grant*. Di samping syarat-syarat tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam mesyuarat bertarikh 27 April 2011 telah menetapkan supaya had *outright grant* yang boleh dipertimbangkan bagi sesuatu projek infrastruktur di bawah P16 (02) ialah pembiayaan sehingga RM20,000.00 atau pembiayaan tidak melebihi 50% daripada kos projek tersebut, yang mana lebih tinggi.

Tafsiran Persatuan/Perbadanan Berdaftar

4. Perenggan 3(b) SPKN Bil. 3 Tahun 2010 juga telah memperincikan syarat-syarat bagi bekalan dan perkhidmatan yang boleh dibiayai daripada peruntukan P16 (03) iaitu pembiayaan dan pelaksanaan program sosial, kebudayaan, sukan dan bantuan peralatan/barangan yang boleh dimanfaatkan dan memberi faedah kepada masyarakat dan orang ramai di KADUN berkaitan. Had nilai pembiayaan/bantuan adalah sehingga RM10,000.00 dengan tertakluk kepada syarat-syarat antara lain bahawa pemberian bantuan di bawah P16 (03) tidak dibenarkan kepada badan politik atau

persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar.

5. Kekeliruan berbangkit dalam tafsiran persatuan/perbadanan yang bermotifkan komersial. Untuk memudahkan proses pertimbangan pemberian bantuan bekalan dan perkhidmatan di bawah P16 (03) tafsiran kepada persatuan/perbadanan berdaftar adalah seperti berikut:

- i. **Persatuan yang bermotifkan komersial** ialah sesebuah persatuan yang terlibat secara langsung dalam sesuatu aktiviti perniagaan/perdagangan dan memperolehi keuntungan yang diagihkan kepada ahli-ahli persatuan. Bagi persatuan yang mana ahli-ahlinya adalah daripada kalangan syarikat/peniaga seperti Persatuan Peniaga-Peniaga Pasar Malam, Persatuan Peniaga-Peniaga Kedai Kopi dan sebagainya yang mana penubuhan persatuan bukan untuk menjalankan aktiviti perniagaan tetapi lebih kepada menjalankan aktiviti musyawarah dan kemasyarakatan secara berkumpulan, maka persatuan terlibat tidaklah dianggap sebagai persatuan yang bermotifkan komersial.
- ii. **Bagi perbadanan** khususnya Perbadanan Pengurusan Perumahan Kos Rendah samada awam atau swasta tidak diklasifikasikan sebagai perbadanan yang bermotifkan komersial. Ini adalah kerana perumahan terlibat ialah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, bantuan pembiayaan di bawah P16 (03) untuk

program/projek yang dianjurkan oleh Perbadanan Pengurusan Perumahan Kos Rendah samada awam atau swasta boleh dipertimbangkan. Pertimbangan bantuan ini tidak layak kepada Perbadanan Pengurusan perumahan kos sederhana dan tinggi.


Kuatkuasa

6. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 dan berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,



[HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 4 Mei 2011

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri
PULAU PINANG.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I
PULAU PINANG.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II
PULAU PINANG.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan
PULAU PINANG.